

Maybank berhak tentukan sendiri dasar pentadbiran – PM

um - 12/5/2007

KUALA LUMPUR 11 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, pihak pengurusan Malayan Banking Bhd. (Maybank) boleh menentukan sendiri dasar pentadbiran bank perdagangan terbesar negara itu.

"Tidak payahlah sesiapa mengarahkan pihak pengurusan Maybank, buat itu dan buat ini.

"Pengurusan Maybank memahami apa yang perlu dan wajar dilakukan cuma saya harap mereka sentiasa adil dan saksama dalam melaksanakan sebarang dasar," kata Perdana Menteri.

Beliau yang juga Presiden UMNO berucap pada sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-61 UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Abdullah diminta mengulas desakan ahli-ahli ekonomi, peguam dan tokoh politik Melayu supaya kerajaan mempertahankan tindakan Maybank mengenakan syarat pemilikan 50 peratus kepentingan bumiputera dalam firma-firma guaman yang mahu menjadi panel bank tersebut.

Ahli-ahli ekonomi, peguam dan tokoh politik Melayu berpendapat, langkah Maybank - bank perdagangan terbesar negara ini - memperkenalkan dasar baru ber-

kaitan dengan firma-firma guaman adalah selari dengan polisi kerajaan untuk mengagihkan secara adil kekayaan negara, khususnya kepada bumiputera yang masih jauh ketinggalan dalam bidang ekonomi berbanding kaum lain.

Bantahan mereka ini dibuat berikutan laporan akhbar semalam yang menyebut bahawa Kabinet telah meminta Maybank supaya memansuhkan syarat pemilikan 50 peratus bumiputera ke atas firma-firma guaman yang ingin menjalankan urusan niaga dengan bank itu.

Beberapa buah akhbar memetik sumbu peringkat tertinggi sebagai berkata, arahan Kabinet itu dibuat kerana syarat yang dikenakan oleh Maybank itu bukan dasar kerajaan.

Perdana Menteri bagaimanapun memberitahu, kerajaan tidak pernah mengarahkan Maybank supaya mengenakan syarat firma guaman perlu mempunyai rakan kongsi bumiputera untuk menjalankan perniagaan dengan bank itu.

"Kita tidak memberi arahan seumpama itu tetapi ia merupakan dasar pentadbiran bank berkenaan, jadi itu yang mereka keluarkan," katanya.

Maybank pada 4 Mei lalu mengeluarkan kenyataan bahawa mana-mana firma gua-

man yang ingin menjalankan perniagaan dengan kumpulan perbankan itu mesti mempunyai tiga rakan kongsi dengan satu daripadanya bumiputera dengan pemilikan kepentingan 50 peratus saham.

Bagaimanapun kelmarin, bank itu menyatakan bahawa pemilihan firma perundangan akan diteruskan berasaskan prestasi, kecekapan dan merit, melakukan semakan semula terhadap peraturan mengkehendaki firma guaman mempunyai ekuiti bumiputera sekiranya mereka mahu menjalankan perniagaan dengan bank berkenaan.

Menurut kenyataan bank tersebut, peraturan itu disemak selepas kajian semula dibuat mengambil kira isu dan kebimbangan yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak.

Bagaimanapun semakan semula Maybank ke atas kriteria pelantikan panel guamannya yang berkuat kuasa pada 1 Julai ini tidak membuat sebarang perubahan berhubung syarat pemilikan 50 peratus kepentingan bumiputera dalam firma-firma guaman yang ingin menjadi panel bank tersebut.

Memorandum tersebut telah dihantar kepada semua panel peguam Maybank bagi memaklumkan kepada mereka mengenai perubahan kriteria pelantikan panel guaman bank itu.